



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
SIARAN MEDIA**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA LANCAR MINGGU LATIHAN
KEBANGSAAN (NTW) 2023 DI SELURUH MALAYSIA**

Putrajaya, 22 Mei 2023 – Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan bangganya melancarkan National Training Week (NTW) 2023, bermula 22 Mei 2023 hingga 28 Mei 2023, untuk memberikan peluang pembelajaran, latihan, dan peningkatan kemahiran secara serentak di seluruh negara. Sasaran penyertaan adalah 10,000 kursus secara percuma melibatkan 125,000 peserta dan 5000 pengajar.

Kementerian juga berharap peserta dapat menyelesaikan lebih daripada 500,000 jam latihan secara kolektif, dan penyedia latihan dapat menyampaikan nilai latihan lebih daripada RM250 juta secara percuma.

NTW 2023 adalah minggu latihan dan aktiviti di seluruh negara yang mengumpulkan organisasi serta individu dari pelbagai latar belakang dan industri untuk latihan dan pembangunan. Ini adalah program pertama dalam negara di mana latihan dilaksanakan oleh individu dan organisasi tempatan di seluruh Malaysia dan ditawarkan secara percuma kepada semua rakyat Malaysia, secara intensif dan berfokus kerjaya berteraskan TVET.

Inisiatif ini dilaksanakan oleh KSM melalui pelbagai agensinya, terutamanya oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dengan sokongan dari kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, Kerajaan Negeri, agensi-agensi kerajaan dan swasta, individu, persatuan industri, akademik dan penyedia program dan latihan.

Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar berkata, “modal insan merupakan sumber yang amat penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang mantap dan berterusan. Sehubungan itu, Malaysia perlu mendorong tenaga kerja dan bakat tempatan untuk terus belajar dan berkembang bagi meningkatkan daya saing global dalam jangka masa panjang”.

YB Tuan V. Sivakumar turut menjelaskan bahawa "NTW 2023 adalah platform yang terbaik untuk mendorong rakyat Malaysia meningkatkan kemahiran dan pengetahuan

menerusi pelbagai kursus latihan dalam berbagai bidang kemahiran insaniah dan teknikal secara percuma. Saya menyeru kepada semua rakyat Malaysia untuk turut serta dalam NTW 2023”.

Bagi mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut boleh layari www.nationaltrainingweek.gov.my dan mendaftar untuk mana-mana kursus yang tersedia. Kursus-kursus ini akan dijalankan melalui pembelajaran secara bersemuka, dalam talian, atau pembelajaran hibrid dan merangkumi pelbagai kemahiran insaniah dan teknikal dalam latihan, pemantapan, kemudahan, dan pembelajaran.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PUTRAJAYA

22 MEI 2023